



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel : 603 – 88832545
Faks : 603 – 88895542
E-mail : anhisham@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM87/P1/1/3 Jld.2 (19)
Tarikh : 12 April 2013

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah Hospital Kuala Lumpur

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BILANGAN
6 TAHUN 2013: TATACARA PELAKSANAAN DASAR KEMUDAHAN
WAD KELAS PERTAMA DAN PENGECUALIAN BIL PERUBATAN
PENDERMA ORGAN DAN SEL STEM WARGANEGARA DAN BUKAN
WARGANEGARA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sejak Polisi Transplantasi Organ, Tisu dan Sel Kebangsaan (ruj. MOH/P/PAK/131.07(BP) bertarikh Jun 2007) dilulus dan dilaksanakan, pelbagai langkah telah dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mempertingkatkan lagi perkhidmatan transplan di negara ini. Antara perkara yang diambil perhatian oleh pihak Kerajaan adalah termasuk hal kebajikan dan kesejahteraan penderma hidup serta waris penderma kadaverik sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Polisi tersebut.

3. Selaras dengan Perkembangan semasa, pihak Kementerian telah memohon kepada pihak Kementerian Kewangan agar Dasar pemberian kemudahan wad kelas pertama dan pengecualian bayaran bil hospital kepada penderma hidup dikajisemula dan susulan daripada itu, Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah bersetuju agar Dasar tersebut

diperluaskan sebagaimana yang diperincikan di dalam surat Bahagian Kewangan ruj. (64) dlm.KKM-58/900/69 JLD.7 bertarikh 21 November 2012 (dilampirkan).

4. Dasar ini dilaksanakan bertujuan meringankan beban ahli keluarga serta menghargai pengorbanan individu tersebut bagi menyelamatkan pesakit yang memerlukan. Pihak Kementerian juga berpendapat kemudahan atau bantuan yang diberikan yang tidak melibatkan pertukaran wang ringgit adalah munasabah. Ianya tidak seharusnya dianggap sebagai suatu bentuk pemerdagangan organ atau tisu manusia.

5. Sukacita diingatkan bahawa, proses pendermaan dan pemindahan organ/ tisu / sel stem darah adalah masih tertakluk kepada dasar dan garis panduan sedia ada termasuklah Polisi Transplantasi Organ, Tisu dan Sel Kebangsaan (ruj. MOH/P/PAK/131.07(BP) bertarikh Jun 2007) dan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai Garispanduan Pendermaan Organ Dari Penderma Hidup Tiada Kaitan Kekeluargaan (ruj. KKM87/P1/29/1 Jld.6 (15) bertarikh 4 Januari 2012).

6. Bersama-sama ini disertakan "Garispanduan Tatacara Pelaksanaan Dasar Kemudahan Wad Kelas Pertama Dan Pengecualian Bil Perubatan Penderma Organ Dan Sel Stem Warganegara Dan Bukan Warganegara" untuk tindakan dan hebahan oleh pihak YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan.

7. Sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling ini, sila hubungi:

Bahagian Perkembangan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 5, Blok E1, Parcel E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya

Pej (603) 88833888 atau (603) 88831165

Faks (603) 88831155 Emel transplantation_unit@moh.gov.my


Pusat Sumber Transplan Nasional
Hospital Kuala Lumpur
Jalan Pahang, 50586 Kuala Lumpur
Pej (603) 26810681
Faks (603) 26810680
Talian bebas tol 1-800-88-9080
Emel ntrc@hkl.moh.gov.my

8. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari 21 November 2012.

Sekian terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

Yang iktlas,



(DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k

- Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
- Timbalan KPK (Perubatan)
- Timbalan KPK (Kesihatan Awam)
- Timbalan KPK (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
- Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)
- Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)
- Pengarah Kanan (Keselamatan & Kualiti Makanan)